

Jasa Cheng Lock pada perpaduan kaum

UM- 20/12/2006

Oleh MARKUS LIM
(WARTAWAN UTUSAN)

KITA sering diingatkan bahawa menjadi satu tanggungjawab untuk mengenang kembali jasa-jasa pemimpin yang telah membawa kemerdekaan kepada negara.

Sebut sahaja tokoh-tokoh negara yang telah banyak berjasa kepada kemerdekaan negara, nama-nama seperti Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambathan pastinya tidak lari dari fikiran kita.

Walaupun mereka telah tiada, ia tidak bermakna jasa dan pengorbanan mereka dalam mencorakkan hala tuju politik Malaysia, perlu dilupakan begitu sahaja.

Seharusnya, perlu ada inisiatif oleh pihak-pihak tertentu baik dari kerajaan mahupun rakyat sendiri untuk memastikan semangat menghargai jasa-jasa pemimpin negara yang telah menabur bakti, terus bertahan dan diturunkan kepada generasi akan datang.

Parti komponen kedua terbesar dalam Barisan Nasional (BN), MCA pada petang Jumaat lalu, menganjurkan satu upacara peringatan kepada pengasas MCA, Cheng Lock di hadapan pusara beliau.

Upacara peringatan yang berlangsung di Kampung Musai, Melaka merupakan sebahagian daripada aktiviti anjuran MCA bagi menandakan bermulanya siri perayaan sempena hari kemerdekaan Malaysia ke-50 tahun depan. Secara kebetulan, upacara peringatan yang diadakan pada petang Jumaat lalu adalah

untuk memperingati ulang tahun kematian Cheng Lock yang ke-46.

Dari segi zahirnya, ia hanyalah satu upacara peringatan ringkas semata-mata namun bagi MCA sendiri, ia adalah peristiwa yang cukup bersejarah. Ini kerana ia julung-julung kalinya aktiviti sedemikian dianjurkan oleh MCA sejak penubuhannya lebih 57 tahun yang lalu.

Sebagaimana UMNO terhutang budi kepada jasa Datuk Onn, maka MCA perlu harus berterima kasih kepada sumbangan dan kepimpinan yang dicurahkan oleh Cheng Lock. Disebabkan MCA adalah cetusan idea Cheng Lock, pucuk pimpinan MCA minggu lalu bersetuju untuk menjadikan upacara peringatan beliau sebagai acara tahunan.

Sementara itu, Cheng Lock pernah bekerjasama dengan Tunku Abdul Rahman dan Presiden MIC, V.T. Sambathan dalam membentuk Parti Perikatan bagi memperjuangkan kemerdekaan negara daripada penjajah British.

Berkat kerjasama dan persefahaman ketiga-tiga pemimpin berkenaan, Parti Perikatan akhirnya menang besar pada pilihan raya umum pertama yang berlangsung pada 27 November 1955.

Kemenangan Perikatan itu berjaya meyakinkan British bahawa formula perkongsian kuasa yang diamalkan Perikatan mampu menjamin kestabilan dan perpaduan rakyat.

Ternyata, selepas hampir 50 tahun merdeka, formula perkongsian kuasa terus menyaksikan Malaysia terus maju dan penduduk hidup aman damai tanpa menaruh syak wasangka.

Pujian seharusnya diberikan kepada

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting kerana mengilhamkan aktiviti sedemikian memandangkan ia jelas menunjukkan keprihatinan seorang pemimpin terhadap sumbangan pemimpin terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

Keprihatinan Ka Ting turut mendapat perhatian Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin yang menyifatkan, para pemimpin MCA termasuk Ka Ting mempunyai pengetahuan luas mengenai peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

"Saya amat gembira bahawa MCA mengiktiraf Cheng Lock bersama-sama dengan Tunku, Tun Abdul Razak dan Tun Sambathan antara pengasas utama kepada Tanah Melayu yang merdeka.

"Kita perlukan persefahaman seperti ini untuk mewujudkan kesedaran terhadap perjuangan masyarakat berbilang kaum dalam kemerdekaan negara. Dengan adanya persefahaman ini, saya yakin kerjasama antara UMNO dan MCA akan bertambah erat," jelas beliau dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena ulang tahun ke-46 kematian Cheng Lock.

Ketika berucap sempena upacara peringatan tersebut, Ka Ting menyifatkan Cheng Lock sebagai seorang pemimpin yang sentiasa berpegang teguh kepada prinsipnya iaitu 'Malaysia ialah negara kita' dan 'Kami adalah anak-anak kepada Malaysia.'

Sehubungan itu, ujar Ka Ting, semua rakyat Malaysia seharusnya mencontohi karisma beliau iaitu untuk terus mempunyai keyakinan terhadap kemampuan negara dan

tidak putus asa kiranya dilanda masalah.

Kepimpinan dan prinsip-prinsip yang dipegang oleh Cheng Lock, kata Ka Ting, masih relevan pada hari ini dan MCA akan meneruskan sebarang usaha untuk memacu masyarakat Cina kepada kerjasama antara kaum dalam membangunkan Malaysia.

Mengenang sedikit mengenai Cheng Lock, di bawah kepimpinannya, MCA telah memainkan peranan penting dalam rundingan dengan British untuk mencapai kemerdekaan negara. Beliau juga orang yang bertanggungjawab ketika MCA membentuk Perikatan pada 1954 dengan menjalinkan kerjasama dengan UMNO dan MIC.

Cheng Lock juga menyertai pemimpin-pemimpin Melayu, pertama melalui All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) dan Jawatankuasa Perhubungan Komuniti dalam memperjuangkan perubahan struktur perlembagaan dan berusaha ke arah kerjasama antara kaum.

Cheng Lock menghembuskan nafas terakhirnya pada 13 Disember 1960 dan teraju kepimpinan MCA diambil alih oleh Tun Dr. Lim Chong Eu.

Sesungguhnya, inisiatif oleh MCA dalam menganjurkan upacara peringatan sebagai tanda menghargai jasa pemimpin negara terdahulu, harus dijadikan teladan oleh semua pihak.

Langkah tersebut diyakini mampu mengukuhkan persefahaman penduduk berbilang kaum di Malaysia terhadap sejarah negara mereka sekali gus menjayakan usaha kerajaan dalam mewujudkan perpaduan nasional yang menjadi tonggak utama kepada kemakmuran negara selama ini.